

2021



“iFolioSys”

(Simulasi Gabungan Sistem EDI Secara Gambaran yang Berkonsepkan Penulisan Portfolio Berasaskan Web)

**WAN FARAH AIDA BINTI WAN ABDULLAH
SUHAINA BINTI MOHAMED ZAKI
ZETY SHAKILA BINTI MOHD YUSOF
ZUBAIDAH BINTI ABU BAKAR**

Laman Web : <https://upikkkpmas.weebly.com>

Hak Cipta © Kolej Komuniti Pasir Mas 2021

Hakcipta Terpelihara

Setiap bahagian terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan ke bentuk lain sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Kolej Komuniti Pasir Mas.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

“iFolioSys”

eISBN 978-967-19132-0-8

Diterbitkan oleh :

Kolej Komuniti Pasir Mas

Lot 3302-3307, Taman Sri Kota

Pasir Pekan,

16250 Wakaf Bharu,

Kelantan

Dicetak oleh :

Kolej Komuniti Pasir Mas

Lot 3302-3307, Taman Sri Kota

Pasir Pekan,

16250 Wakaf Bharu,

Kelantan

Laman Web : <https://upikkkpmas.weebly.com>

“iFolioSys”

(Simulasi gabungan sistem EDI secara gambaran yang berkonsepkan penulisan portfolio berasaskan web)

BIBLIOGRAFI

Syukur Alhamdulillah dengan limpah kurnia-Nya maka terhasillah eBook "iFolioSys" yang merupakan penerbitan pertama tahun 2021. Pihak Kolej Komuniti Pasir Mas selaku penerbit berharap agar penerbitan ini menjadi tatapan dan rujukan di kalangan pensyarah-pensyarah TVET nasional dalam menghasilkan inovasi dan kreativiti dalam Pengajaran & Pembelajaran (PdP) yang berkualiti seiring Revolusi Perindustrian 4.0.

Sekian, terima kasih.

Penulis

Wan Farah Aida Binti Wan Abdullah
Suhaina Binti Mohamed Zaki
Zety Shakila Binti Mohd Yusof
Zubaidah binti Abu Bakar

SENARAI KANDUNGAN

| | |
|--|----|
| 1. Bibliografi | 3 |
| 2. Abstrak | 5 |
| 3. Bab 1 – Pengenalan | 6 |
| 4. Bab 2 – Kaedah Pelaksanaan | 8 |
| 5. Bab 3 – Kajian Rintis | 22 |
| 6. Bab 4 – Impak dan Cadangan Penambahbaikan | 30 |
| 7. Rujukan | 31 |

ABSTRAK

“iFolioSys” ialah merupakan satu sistem simulasi gabungan sistem EDI (*Electronic Data Interchange*) secara gambaran yang berkonsepkan penulisan portfolio berasaskan web khususnya dalam bidang Pengurusan Logistik & Rantai Bekalan. Menurut (L Bhat, 2020), EDI merupakan proses penghantaran dokumen perniagaan secara elektronik dari komputer satu syarikat ke komputer syarikat yang lain. Dari satu sudut yang lain, portfolio pula telah ditambah baik dengan elemen penulisan yang berasaskan web dan bercirikan Revolusi Industri 4.0. Sistem ini dibangunkan agar dapat menangani masalah pelajar yang sukar memahami isi kandungan mengenai prosedur dan dokumen yang terlibat dalam import dan eksport serta menghadapi kesukaran untuk menulis dengan cara yang betul dalam portfolio semasa menjalani Latihan Industri (LI) atau *Work Based Learning* (WBL). Oleh itu, objektif “iFolioSys” ini adalah menjadi salah satu sistem simulasi pembelajaran berasaskan web yang mempelbagaikan kualiti sesi pengajaran dan pembelajaran pensyarah kursus, memudahkan pelajar membuat penulisan portfolio semasa menjalani Latihan Industri (LI) atau *Work Based Learning* (WBL) secara atas talian dan memberi peluang kepada pelajar menghuraikan teori pengetahuan mengenai prosedur serta fungsi dokumentasi aktiviti Eksport secara terperinci. Penggunaan “iFolioSys” telah dibuat bersama dua orang pelajar Semester 3 yang mengambil Sijil Perkhidmatan Logistik di Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang secara berperingkat menggunakan *Google Meet* bagi mengujilari keberkesanan sistem. Selepas melalui beberapa sesi pengajaran dan pembelajaran secara atas talian, pelajar telah memberi maklumbalas mengenai “iFolioSys” menggunakan *Google Form*. Secara keseluruhan, reaksi pelajar sebagai responden adalah positif dan objektif “iFolioSys” ini dapat dicapai dengan penambahbaikan dari masa ke semasa terutama dari aspek isi kandungan, iaitu aliran proses kerja bagi eksport secara LCL (*Less Container Load*) yang wajar dimasukkan agar pelajar lebih terdedah dengan operasi perniagaan e-dagang. Dari sudut teknikal pula, ianya memerlukan penambahbaikan dari sudut komponen yang boleh dinilai oleh pensyarah berasaskan masa sebenar (*real time-based*) dan pelajar boleh berkolaborasi dengan pensyarah atau pelajar-pelajar lain secara atas talian melalui platform “iFolioSys”.

Kata Kunci: sistem EDI, berasaskan web, penulisan portfolio, work based learning,

BAB 1

PENGENALAN

“iFolioSys” ialah merupakan satu sistem simulasi gabungan sistem EDI (*Electronic Data Interchange*) secara gambaran yang berkonsepkan penulisan portfolio berasaskan web khususnya dalam bidang Pengurusan Logistik & Rangkaian Bekalan. Menurut (*L Bhat, 2020*), EDI merupakan proses penghantaran dokumen perniagaan secara elektronik dari komputer satu syarikat ke komputer syarikat yang lain. Dari satu sudut yang lain, portfolio pula telah ditambah baik dengan elemen penulisan yang berasaskan web dan bercirikan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Sistem ini dibangunkan agar dapat menampung beberapa masalah yang telah dikenalpasti seperti:

- a) pelajar sukar memahami isi kandungan mengenai prosedur dan dokumen yang terlibat dalam import & eksport.
- b) pelajar menghadapi kesukaran untuk menulis isi kandungan dengan cara yang betul dalam portfolio semasa menjalani Latihan Industri (LI) atau *Work Based Learning* (WBL).

1.2 OBJEKTIF PEMBANGUNAN “IFOLIOSYS”

Objektif “iFolioSys” ini dibangunkan adalah untuk:

- a) menjadi salah satu platform pembelajaran atas talian yang mempelbagaikan kualiti sesi pengajaran dan pembelajaran pensyarah kursus.
- b) memudahkan pelajar membuat penulisan portfolio semasa menjalani Latihan Industri atau *Work Based Learning* (WBL) secara atas talian.
- c) memberi peluang kepada pelajar menghuraikan teori pengetahuan mengenai prosedur serta fungsi dokumentasi aktiviti Eksport secara terperinci.

1.3 RASIONAL PEMBANGUNAN “iFOLIOSYS”

Pada permulaan pembangunan sistem “iFolioSys”, ianya digunakan bagi membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) pensyarah kursus DPL4W35 (*Logistics & Supply Chain Information*) dan kursus DPL5W14 (*Export, Import Documentation & Procedures*) yang ditawarkan di kalangan pelajar Diploma Logistics & Supply Chain Management (DLS), Politeknik METrO Johor Bahru.

Sistem ini telah diperluaskan penggunaannya kepada pelajar Sijil Perkhidmatan Logistik (SLK), Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang yang mengambil kursus SLK3043 (Pengurusan Import & Eksport) pada semester 3.

Selain daripada itu, ia juga sesuai diketengahkan di kalangan pelajar jurusan Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan yang akan pergi menjalani Latihan Industri (LI) atau *Work Based Learning* (WBL).

Fungsi “iFolioSys”:

- a) menambahkan pemahaman pelajar mengenai aliran kerja dalam aktiviti eksport mengikut prosedur yang menggunakan gambaran sistem EDI secara simulasi.
- b) dapat memasukkan maklumat yang berkaitan dengan dokumentasi aktiviti eksport serta menghuraikan fungsi dokumen dengan menaip dalam sistem portfolio.
- c) dapat menghasilkan sampel dokumen yang berkaitan dengan dokumentasi aktiviti eksport seperti invois, senarai pembungkusan (*packing list*), *draft B/L*, borang kastam K2, dan lain-lain.


BAB 2

KAEDAH PERLAKSANAAN

2.1 ASPEK TEKNIKAL

"iFolioSys" ini dibina berdasarkan aplikasi web. Sesi pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan secara atas talian dapat merapatkan jurang antara pensyarah dan pelajar. Menurut Livingstone (2011) dan Blake (2013), penggunaan teknologi dari kalangan pensyarah berpotensi meningkatkan pembelajaran pelajar. Gambarajah dari sudut teknikal bagi sistem tersebut adalah seperti dibawah:



Skop pengguna sistem terdiri daripada 2 pihak, iaitu pelajar dan pensyarah.



Rajah 1: Gambarajah aspek teknikal "iFolioSys"

Pelaksanaan WBL (*Perform WBL*):

Pelajar dapat melakukan WBL dari sudut pengurusan dokumen Eksport mengikut prosedur menggunakan sistem EDI secara simulasi. Melalui dashboard yang dipaparkan, pelajar perlu mengisi maklumat dengan tepat bagi setiap dokumen yang telah diatitkan mengikut prosedur. Maklumat tersebut boleh diisi oleh pelajar setelah mendapat soalan kajian kes yang diberikan oleh pensyarah. Pelajar juga perlu mengemukakan teori huraian mengenai fungsi bagi setiap dokumen Eksport yang terlibat.



Rajah 2: Pelajar sedang mencari maklumat untuk diisi ke dalam sistem “iFolioSys”

Penghasilan dokumen (*Generate Documents*):

Dokumen-dokumen Eksport yang terlibat seperti *Invoice*, *Packing List*, *draft Bill of Lading (B/L)*, borang kastam K2 (*custom form K2*) dan lain-lain dapat dihasilkan bagi tujuan lampiran laporan portfolio.

Packing List Order

| Receiver | | Shipper | | | | |
|--|-------------|--|--|--|--------------|-----------------|
| JELD-WEN International Supply 401 Harbor Isles Boulevard Klamath Falls, OR 97603 | | ABC Fibreboard Sdn Bhd Lot 482 Jalan Keluli 5 81700 Pasir Gudang | | Ship Date: -0001-11-30 F.O.B. Shipping Point: Pasir Gudang Johor Ship Via: WAN HAI 301 N20831 Account No.: INV001 Order No.: SO001 Department: Shipping | | |
| Terms | | | | | | |
| FOB | | | | | | |
| Notes | | | | | | |
| JW Intl Supply im8994-CI94069 Made in Malaysia No. 1-13 | | | | | | |
| Qty Ordered | Qty Shipped | Item ID | Description | Unit Weight | Total Weight | Total Cubic Ft. |
| 3250 pcs | 3250 pcs | FG002 | 16mm x 1220mm x 2440mm (3250 pcs) (19.99 m3) (73657.50 sqft) | 0.00 | 20000.5 | 18.48 |

Liner Booking


Booking Confirmation No.:LBO001

| Shipper | | Receiver | |
|---|------------------------|-------------------------------|--|
| ABC Fibreboard Sdn. Bhd. | | JELD-WEN International Supply | |
| Address | | | |
| LOT482 JALAN KELULI 5 817000 PASIR GUDANG | | | |
| Phone Number | | | |
| 0132567894 | | | |
| Estimate Time Departure | | Delivery Date | |
| 2017-07-16 00:00:00 | | 2017-08-06 00:00:00 | |
| Custom Ref. | | Sender Ref. | |
| INV001 | | SO002 | |
| Vessel Name | | Vessel No. | |
| XIN MEI ZHOU | | E117JKMZ | |
| Type Of Container | | Quantity | |
| 20' Dry (20'GP) | | 1 | |
| No. Of Carton | | NETT Weight | |
| 11 | | 21138.96 | |
| No. Of Palletes | | Frozen Chilled Dry | |
| 11 | | No | |
| Port Of Discharge | Port Of Loading | Port Of Destination | |
| PASIR GUDANG,JOHOR | PASIR GUDANG,JOHOR | LONG BEACH, CA | |

Rajah 3: Sampel dokumen Eksport yang dihasilkan melalui sistem "iFolioSys"

Cetak dokumen (*Print Documents*):

Bahagian ini adalah pilihan. Pelajar dan pensyarah boleh mencetak dokumen- dokumen yang terlibat setelah proses pengurusan Eksport dapat diselesaikan mengikut prosedur melalui paparan *dashboard*.



Rajah 4: Sampel portfolio yang boleh dicetak atau disimpan atas tujuan rujukan


Simpan hasil kerja (*Save Works*):

Proses ini adalah ruang bagi pelajar menyimpan hasil kerja mereka. Pelajar boleh mendapatkan semula hasil kerja mereka bagi meneruskan proses pengurusan dokumen Eksport sehingga selesai.

Melihat hasil kerja (*View Works*):

Pelajar dapat menyemak hasil kerja mereka dan melakukan pembetulan sekiranya perlu ditambahbaik. Pensyarah dapat melihat hasil kerja pelajar dalam bentuk portfolio bagi tujuan penilaian.

2.2 PERANAN PAPARAN *DASHBOARD*




Rajah 2: Paparan *Dashboard* "iFolioSys"


Paparan *Dashboard* dalam "iFolioSys" ini adalah fungsi utama yang perlu di fahami terlebih dahulu di kalangan pelajar jurusan Pengurusan Logistik & Rangkaian Bekalan.

Ianya berkaitan dengan gambaran proses eksport dan dokumentasi yang terlibat mengikut prosedur penghantaran secara FCL, iaitu (*Full Container Load*) menggunakan perkhidmatan intermodal "*FishyBack*" (gabungan pengangkutan darat dan laut).

Bagi saluran yang bermula dengan dokumen *Sales Order* dan ke atas secara menegak, ia adalah berkaitan dengan proses penghantaran barang yang melibatkan pengangkutan darat. Manakala, saluran yang bermula dengan *Sales Order* dan ke sisi kanan pula melibatkan proses penghantaran barang menggunakan pengangkutan laut serta terlibat dengan perdagangan eksport.




Rajah 3: Paparan *Dashboard* “iFolioSys” bermula dengan dokumen “Sales Order” dan ke atas secara menegak.




Rajah 4: Paparan *Dashboard* “iFolioSys” bermula dengan dokumen “Sales Order” dan ke sisi kanan

Empat komponen seperti *Sales Order*, *Delivery Order*, *Invoice* dan *Packing List* adalah dari senarai dokumen yang termasuk dalam kategori sistem ERP (*Electronic Resource Planning*). Ia meliputi butiran berkaitan pembekal dan pelanggan bagi pihak pengeksport atau pengilang.



Rajah 5: Paparan *Dashboard* “iFolioSys” terdiri daripada 4 dokumen dalam kategori sistem ERP (*Electronic Resource Planning*)

Item yang lain seperti *Liner Booking Order*, *Container Booking Order*, *Haulier Booking Order*, *Draft Bill of Lading (B/L)*, *Custom Form (K2)* dan lain-lain adalah merupakan dokumen yang dikeluarkan melalui 3PL (*3rd Party Logistics*) iaitu pihak *Shipping Liner*, *Freight Forwarder*, syarikat trak pengangkut atau *Haulier* dan agen sah yang dilantik oleh pihak kastam.



Rajah 6: Paparan *Dashboard* “iFolioSys” terdiri daripada dokumen yang dikeluarkan melalui 3PL (*3rd Party Logistics*)

Menurut (Thomas A. Cook, et al; 2012), salah satu peranan *Freight Forwarder* sebagai 3PL (*3rd Party Logistics*) di dalam perdagangan import eksport adalah memberikan perkhidmatan nilai tambah kepada pengimport atau pengeksport. Di antara perkhidmatan nilai tambah yang penting adalah melakukan urusan menggunakan EDI (*Electronic Data Interchange*).

Pada dasarnya, EDI (*Electronic Data Interchange*) mampu membuat penerimaan dan penghantaran data secara manual, penjejakan (*tracking*) serta pengeluaran dokumentasi dalam format atau mod automatik. Kepelbagaian data, ketersediaan peralatan dan pemformatan laporan adalah berbeza mengikut keperluan. Namun, keupayaan EDI (*Electronic Data Interchange*) yang disediakan oleh *Freight Forwarder* perlu mempunyai elemen pengurangan kos serta dapat menyediakan data penghantaran mengikut masa yang telah ditetapkan.

2.3 SINOPSIS DASHBOARD “iFolioSys”

Melalui hasil dapatan kajian penyelidikan (Sumah, 2019), dengan mengintegrasikan EDI (*Electronic Data Interchange*) dan LM (*Logistics Management*) seperti pengurusan pengangkutan, pengagihan fizikal, inventori dan gudang dapat meningkatkan kerjasama antara rakan dagang melalui perkhidmatan komunikasi yang berkualiti. Kajian ini juga menyokong pernyataan (Bergeron & Raymond, 1997) yang mengesahkan kebaikan EDI (*Electronic Data Interchange*) ialah meningkatkan kualiti komunikasi dan kelajuan transaksi, mengurangkan perbelanjaan serta meningkatkan daya saing perniagaan.

Oleh itu, isi kandungan mengenai simulasi gabungan sistem EDI secara gambaran ini akan diterangkan secara terperinci melalui sinopsis dashboard “iFolioSys”. Sebelum memasukkan info ke dalam setiap komponen yang ada di atas *dashboard*, pensyarah kursus akan memberi satu soalan kajian kes berkaitan perdagangan eksport untuk diselesaikan oleh pelajar.

Pelajar akan merasai pengalaman sebagai pengeksport dengan memasukkan info ke dalam dokumen *Sales Order*, *Invoice* serta *Packing List*. Hanya *Invoice* dan *Packing List* akan dihantar kepada *Freight Forwarder* yang menguruskan pergerakan kargo dari premis atau gudang pengeksport ke pelabuhan berlepas.

Pada masa yang sama, pelajar iaitu sebagai pengeksport atau *Freight Forwarder* akan membuat tempahan ruang kosong di dalam kapal melalui *Shipping Liner* dengan mengisi *Liner Booking Order*. Pihak *Shipping Liner* akan membuat pengesahan tempahan ruang kosong di dalam kapal melalui dokumen *Liner Booking Confirmation* kepada pengeksport.


Shipment Instruction akan dibuat oleh pelajar (pengeksport atau *Freight Forwarder*) sebagai makluman kepada *Shipping Liner* mengenai pihak 3PL (*3rd Party Logistics*) yang menguruskan penerimaan barang import di pelabuhan destinasi.

Pelajar akan merasai pengalaman sebagai pihak *Shipping Liner* yang mengeluarkan *draft B/L* bagi pihak pengeksport atau *Freight Forwarder* mengisi butiran mengenai kontena yang akan membawa barangan untuk dieksport.

Selain daripada itu, pelajar juga akan mewakili *Freight Forwarder* dengan memasukkan maklumat ke dalam *Container Request Order* untuk diserahkan kepada pihak yang menguruskan penempatan kontena-kontena kosong (*Container Yard*) mengikut ketetapan di dalam dokumen *Liner Booking Confirmation*. Pelajar juga akan mengeluarkan *Haulier Booking Order* bagi tempahan trak pengangkut yang akan mengangkut kontena kosong dari *Container Yard* ke premis atau gudang

pengeksporthan dan kontena berisi barangan dari premis atau gudang ke pelabuhan berlepas.

Dari satu sudut yang lain, pelajar akan merasai pengalaman menjadi agen kastam yang dilantik oleh *Freight Forwarder* dengan mengisi maklumat di dalam ruangan *Custom Form (K2)*. Kebanyakan maklumat yang dimasukkan adalah daripada salinan *Invoice*, *Packing List* dan *draft B/L* yang mempunyai butiran lengkap mengenai barangan eksport bagi tujuan pelepasan dari pihak Kastam.



Rajah 7: Sesi PdP secara atas talian bersama pelajar dijalankan menggunakan *Google Meet*


Secara keseluruhan, aliran perdagangan eksport yang digambarkan melalui simulasi "iFolioSys" ini adalah selari dengan hasil dapatan kajian (Sumah, 2019) iaitu integrasi antara EDI (*Electronic Data Interchange*) dengan LM (*Logistics Management*) memberi peluang antara rakan dagang untuk memulakan mekanisma tindak balas pantas dalam perkongsian maklumat penting mengenai perniagaan.

Dapatan ini juga disokong oleh (Murphy & Daley,1999; Riddle et al.,1999; Bergeron & Raymond,1997; Magutu et al.,2010) yang menyatakan melalui pemerhatian mereka bahawa EDI (*Electronic Data Interchange*) dapat meningkatkan kelajuan transaksi, mengurangkan perbelanjaan

komunikasi dan membolehkan pengguna menghantar serta menerima maklumat mengenai pesanan pembelian dengan cepat.



Dari satu sudut yang lain, dapatan kajian (Sumah,2019) juga membuktikan EDI (*Electronic Data Interchange*) dapat mengurangkan kesilapan dalam urusanniaga seperti pemprosesan pesanan serta meminimumkan pembayaran tunai. Oleh itu, ia menjadi elemen utama dalam perdagangan elektronik yang memudahkan urusanniaga rakan dagang logistik.

Setelah memasukkan semua maklumat yang dikehendaki ke dalam setiap komponen pada *Dashboard* tersebut, pelajar perlu mengemukakan teori huraian mengenai fungsi bagi setiap dokumen Eksport yang terlibat dan pengalaman menyelesaikan kajian kes ke dalam ruangan laporan portfolio. Merujuk kepada Fox & Hartwick (2011), penilaian portfolio dapat mendiagnosis kekuatan dan kelemahan pelajar dalam menghuraikan pengetahuan dalam bentuk teks penulisan.



Rajah 8: Pelajar mengemukakan teori huraian mengenai fungsi bagi setiap dokumen Eksport ke dalam ruangan laporan portfolio.

Pelajar boleh menyemak hasil kerja mereka dan melakukan pembetulan sekiranya perlu. Pelajar juga boleh mencetak dokumen dan penulisan portfolio bagi tujuan simpanan.



Rajah 9: Pelajar menyemak hasil kerja setelah memasukkan maklumat dalam sistem "iFolioSys"

Bill of Lading

| | | | |
|---|-------------------------|--|----------------------------|
| Bill Of Lading No. | | Job No. | |
| BL001 | | LB001 | |
| Consignee | | Shipper | |
| XYZ International Supply | | ABC Fiberboard Sdn Bhd | |
| Consignee Address | | Shipper Address | |
| 401 Harbor Isles Boulevard, Klamath Falls, OR 97603 | | LOT 482, JALAN KELULI 5, 81700, PASIR GUDANG, JOHOR | |
| Notify Party | | For Release Of Shipment, Please Contact | |
| JKL & Co., Inc. 600 N.W. Naito Parkway Portland, OR 97208 | | Attn: Mr J Ph : 503273-1208 | |
| Pier | | Vessel/Voyage | |
| | | WANHAIS13 N210 | |
| Port Of Discharge | Place Of Receipt | Port Of Loading | Place Of Delivery |
| PASIR GUDANG, JOHOR | LONG BEACH, CA | PASIR GUDANG, JOHOR | LONG BEACH, CA |
| Notes | | | |
| SHIPPING MARKS XYZ Int'l Supply IM8994/CI94069 Made in Malaysia No. 1-13 CONTAINER NUMBER (WHLH066789) SEAL | | | |
| Container No. | Serial No. | Other Seal No. | Container Size/Type |
| 1-13 | 13 | 16mm x 1220mm x 2440mm (3250 pcs) (19.99 m3) (73657.50 sqft) | 20490.00 |
| No. Of Package | | | |
| 19.99 | | | |
| Term Of Lading Continued On Reverse Side | | | |
| LONG BEACH, CA | | | |
| Place And Date Of Issue | | | |
| PASIR GUDANG, JOHOR, MALAYSIA 03.07. 2020 | | | |

Destination Save as PDF

Pages All

Layout Portrait

More settings v

Save
Cancel

Rajah 10: Pelajar boleh mencetak dokumen bagi tujuan simpanan


Bagi pensyarah penilai pula, ruangan *dashboard* pelajar yang perlu dinilai akan tertera dan pensyarah boleh memantau hasil kerja pelajar serta membuat penilaian dari masa ke semasa.

PortfolioSYSTEM

MAIN NAVIGATION
[Edit Lecturer info](#)
[Manage Students](#)
[Logout](#)

Assessments

| Student ID | Name | Course Name | |
|--------------|------------------------------|-----------------------------|---|
| D23SLK19F012 | NUR ANNESA SHAFIKA BT HASSAN | 3034 | Assess |
| D23SLK19F021 | VINOSHINI A/P PRASATH | SLK 3043 Import Dan Eksport | Assess |
| D23SLK19F023 | Deashvin | SLK 3043 | Assess |



Rajah 11: Ruang dashboard pensyarah penilai yang boleh memantau hasil kerja pelajar


BAB 3

KAJIAN RINTIS


3.1 “iFolioSys” @ 2017

Pada tahun 2017, satu kajian rintis telah dibuat kepada lima orang pelajar Diploma Pengurusan Logistik & Rantaian Bekalan, Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB) dan sepuluh orang pelajar Diploma Logistik Industri, UNIKL Seri Alam bagi mengujilari keberkesanan sistem.


Selepas mengikuti sesi kajian rintis tersebut, telah menjawab soalan tinjauan kaji selidik yang telah diberikan dan hasil dapatan telah dianalisis berdasarkan Analisis Deskriptif menggunakan software SPSS V15.0.




My reaction towards this system (iFOLIOSYS) is positive.




The quality of this system (iFOLIOSYS) is good.




The concept of this system (iFOLIOSYS) is quite innovative.




The system (iFOLIOSYS) is something that I need to upgrade my knowledge about work process in logistics and supply chain.




I noticed that this system (iFOLIOSYS) will help me a lot to increase my WBL assessment marks.




I'm aware that this system (iFOLIOSYS) can be as teaching aid for me to recognize the format of some related documentation of work process in logistics and supply chain.




I know that this system (iFOLIOSYS) can reduce my time to elaborate the theoretical knowledge of work process in logistics and supply chain in portfolio.



I'm aware that this system (iFOLIOSYS) can increase my understanding towards work process in logistics and supply chain.



I'm aware that this system (iFOLIOSYS) can reduce the costs in terms of paper usage.




Berdasarkan hasil kajian, majoriti daripada responden mengetahui bahawa menggunakan sistem EDI (Electronic Data Interchange) dalam pengurusan dokumen eksport adalah penting. Hasil dapatan ini membuktikan pernyataan (A Rawashdeh & L Al-namlah, 2017), iaitu EDI (*Electronic Data Interchange*) telah menjadi relevan kepada pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) untuk mengendalikan urusan yang semakin berkembang dan bersaing di pasaran global. Selain daripada itu, responden juga mengakui bahawa perlu mengenali format dokumen-dokumen yang terlibat dalam pengurusan eksport dan mengetahui fungsi atau kepentingannya.

Responden juga menyatakan dengan menulis portfolio menggunakan "iFolioSys", dapat meningkatkan pemahaman mereka terhadap proses kerja dalam aktiviti eksport hingga boleh dinilai oleh pensyarah. Hasil dapatan ini selari dengan kenyataan dari Hamp-Lyons & Condon (2000), iaitu penilaian portfolio adalah pendekatan alternatif bagi penulisan yang memberi penekanan kepada pelajar untuk mengumpul maklumat dan berupaya membuat reflektif diri.

3.2 “iFolioSys” @ 2020

Sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan “iFolioSys” telah disambung semula pada tahun 2020 dan dijalankan secara atas talian menggunakan *Google Meet* kepada dua orang pelajar Sijil Perkhidmatan Logistik (SLK) di Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang. Pelajar telah memberi maklumbalas mengenai iFolioSys dengan menjawab soalan tinjauan kaji selidik menggunakan *Google Form*.



1. Apakah tujuan anda menggunakan iFolioSys ini?

2 responses

untuk memudahkan urusan dokumentasi penghantaran barang

Supaya pensyarah dapat memantau pergerakan pelajar dan membantu meningkatkan pengetahuan

2. Adakah dengan menggunakan iFolioSys dapat membantu anda lebih memahami prosedur dan dokumentasi yang terlibat dalam aktiviti eksport?

2 responses

ya, ia sangat memudahkan saya untuk mengenalpasti setiap detail dalam menguruskan dokumentasi.

Dapat memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang aktiviti eksport

3. Bagaimanakah iFolioSys dapat membantu anda membuktikan pemahaman mengenai prosedur dan dokumentasi yang terlibat dalam aktiviti eksport dapat dinilai dengan baik oleh pensyarah?

2 responses

dengan menggunakan sistem ini dapat memberi kefahaman yang baik untuk saya mengendalikan setiap situasi atau urusan prosedur dan dokumentasi yang melibatkan eksport. Setiap perincian urusan eksport dapat saya menyusun atur cara menguruskan dokumen seperti invoice dan packing list.

sistem yang ditunjukkan didalam ifolio sangat membantu dari segi kaedah pemahaman dan sejauh mana pelajar dapat memahaminya

4. Berapa lamakah masa yang sesuai bagi anda melengkapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah menggunakan iFolioSys ini? Nyatakan sebab.

2 responses

masa yang diambil tidak terlalu lama kerana sistem ini sangat memudahkan saya untuk menguruskan dokumen eksport tersebut.

sekitar beberapa minit

5. Adakah iFolioSys ini boleh menjadi salah satu alat PdP yang membantu pelajar bagi kursus SLK3043 (Pengurusan Import & Eksport)? (Jika Ya/Tidak, nyatakan sebab).

2 responses

Ya, kerana sistem ini akan membantu menambahkan kefahaman kita dan memudahkan kita ketika menjalankan latihan di industri ataupun di alam pekerjaan. Tambahan lagi, pada zaman moden kita banyak menggunakan sistem it.

ya

6. Bagaimanakah iFolioSys ini boleh membantu persiapan anda sebelum menjalani sesi Latihan Industri?

2 responses

Bagi saya , sekurangnya kita sudah ada pengalaman atau latihan untuk kita menyusun atur setiap maklumat di dalam dokumentasi dengan menggunakan sistem seperti ini.

dapat memberi gambaran seumpama kita sedang dalam latihan induatri

7. Apakah kaedah/cara yang paling sesuai bagi pelajar mendapat guideline menggunakan iFolioSys ini?

2 responses

bahagikan kepada kumpulan dan buat penerangan tentang situasi elsport dengan mnggunakan sistem ini.

bergantung kepada pelajar ada juga yang suka belajar dengan kaedah begini

8. Nyatakan komen/cadangan atas tujuan penambahbaikan dari masa ke semasa bagi iFolioSys ini.

2 responses

tiada cadangan

saya cadangkan ifolio ini menggunakan sistem beringteraksi bersama dengan rakan yang lain.

Dari sudut analisa data, didapati bahawa kesemua item menunjukkan bahawa dua orang pelajar Sijil Perkhidmatan Logistik (SLK) KKcRP telah menyatakan “iFolioSys” merupakan suatu pendekatan pembelajaran yang menarik dan tidak membosankan. Ianya selari dengan hasil dapatan kajian oleh (Zulfiqar et al., 2018) yang menyatakan bahawa kajian berdasarkan simulasi (*simulation-based studies*) adalah kaedah pembelajaran yang berguna, mudah, menyeronokkan serta membantu pelajar berfikir secara kritikal. Menurut (Otting, Zwaal & Gijssels, 2009), kajian berdasarkan simulasi (*simulation-based studies*) dianggap sebagai tambahan yang mampu meningkatkan kerjasama antara pelajar dan saling membantu antara satu sama lain dalam proses pembelajaran.

Secara keseluruhannya, pelajar menunjukkan tindak balas yang positif terhadap pendekatan pembelajaran menggunakan “iFolioSys”. Pelajar telah berpuashati setelah melalui proses pengajaran dan pembelajaran secara atas talian dan objektif “iFolioSys” ini boleh dicapai dengan penambahbaikan dari masa ke semasa.

BAB 4

IMPAK & CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

4.1 Impak

Bagi pelajar WBL (*Work Based Learning*) di Politeknik METrO Johor Bahru, nota secara teori mengenai kursus DPL5W14 (*Export, Import Documentation & Procedures*) dapat dicapai melalui CIDOS, manakala nota teori kursus SLK 3043 (Pengurusan Import & Eksport) bagi pelajar SLK (Sijil Perkhidmatan Logistik) di Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang boleh dimuat turun melalui *Google Classroom*. Selain daripada nota, pelajar juga menghadiri sesi kelas bersemuka dengan pensyarah mengikut jadual waktu yang ditetapkan.

Inisiatif “iFolioSys” ini dibangunkan adalah untuk memberi peluang kepada pelajar memahami aliran kerja dalam aktiviti eksport mengikut prosedur yang menggunakan gambaran sistem EDI (*Electronic Data Interchange*) secara simulasi. Selain daripada itu, pelajar juga dapat menghuraikan fungsi dokumen seperti *Invoice, Packing List, draft Bill of Lading (B/L)*, borang kastam K2 dan lain-lain dokumen yang berkaitan ke dalam portfolio.

Selain daripada itu, ia juga dapat mengurangkan kos sudut penggunaan kertas dan sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan secara interaktif pada bila-bila masa.

4.2 Cadangan Penambahbaikan

Penambahbaikan “iFolioSys” perlu dibuat dari sudut isi kandungan iaitu aliran proses kerja bagi eksport secara LCL (*Less Container Load*) yang wajar dimasukkan agar pelajar lebih terdedah dengan operasi perniagaan e-dagang.

Dari sudut teknikal pula, ianya memerlukan penambahbaikan dari sudut komponen yang boleh dinilai oleh pensyarah berasaskan masa sebenar (*real time-based*) dan pelajar boleh berkolaborasi dengan pensyarah atau pelajar-pelajar lain secara atas talian melalui platform “iFolioSys”. Mengikut hasil dapatan kajian (Zulfiqar et al., 2018), sistem simulasi mampu memberikan persekitaran kolaboratif yang meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar. Ia merupakan peluang kepada pelajar untuk belajar antara satu sama lain dalam membina kemahiran bekerja sebagai sebuah kumpulan seperti kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pengurusan konflik dan perundingan.

RUJUKAN

- A Rawashdeh & L Al-namlah (2017). Factors Influencing Electronic Data Interchange Adoption among Small and Medium Enterprises in Saudi Arabia. *Asian Journal of Business and Accounting* 10(2), 2017.
- B.Sumah (2019). The Effect of Logistics Management and Electronic Data Interchange in Enhancing Competitive Advantage A Case Study of Sky Handling Partner in Sierra Leone. eprints.umm.ac.id.
- Bergeron, F., & Raymond, L. (1997). Managing EDI for Corporate Advantage: A Longitudinal Study. *Information & Management*, 31(6), 319-333.
- Blake, R.J. (2013). *Brave new digital classroom: Technology and foreign language learning*. Georgetown University Press.
- Fox, J., & Hartwick, P. (2011). Taking a diagnostic turn: Reinventing the portfolio in EAP classrooms. In: D. Tsagari & I. Csépes (Eds.), *Classroom based language assessment* (pp. 47–61). Frankfurt am Main, DE: Peter Lang.
- Hamp-Lyons, L., & Condon, W. (2000). *Assessing the portfolio: Issues for research and theory and practice*. Cresskill, NJ: Hampton Press.
- L Bhat (2020). *Electronic Data Interchange*.
- Livingstone, S. (2011). Critical reflections on the benefits of ICT in education. *Oxford Review of Education*, 38(1), p. 9-24.
- Magutu, P., Kiplagat, J., & Okiti, A. (2010). The Benefits and Challenges of Electronic Data Interchange: Implementation and Application at Kilindini Water Front Project in Kenya.
- Murphy, P. R., & Daley, J. M. (1999). EDI Benefits and barriers: Comparing International Freight Forwarders and their customers. *International Journal of Physical Distribution & Logistics Management*, 29(3), 207-217.
- Otting, H., Zwaal, W., & Gijsselaers, W. (2009). International hospitality management students' epistemological beliefs and conceptions of teaching and learning. *Journal of Hospitality & Tourism Education*, 21(3), 44–53. <https://doi.org/10.1080/10963758.2009.10696951>.

Riddle, E. J., Bradbard, D. A., Boyd Thomas, J., & Kincade, D. H. (1999). The Role of Electronic Data Interchange in Quick Response. *Journal of Fashion Marketing and Management: An International Journal*, 3(2), 133-146.

Salman Zulfiqar, Rongting Zhou, Fahad Asmi & Affan Yasin (2018). Using Simulation System for Collaborative Learning to Enhance Learner's Performance, *Cogent Education*, 5:1, 1424678, DOI: 10.1080/2331186X.2018.1424678.

Thomas A.Cook, Rennie Alston, Kelly Raia (2012). *Mastering Import & Export Management*, 50-51.

PortfolioSYSTEM
for WBL Learning Process
Integrated FCL Export Shipment

Portfolio System for WBL Learning Process

Version 1.0.0

Diterbitkan oleh :
Kolej Komuniti Pasir Mas
Lot 3302-3307, Taman Sri Kota
Pasir Pekan, 16250 Wakaf Bharu,
Kelantan

e ISBN 978-967-19132-0-8

